# KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
# TARIKH: 14 APRIL 2015 (SELASA)

| Bil | Tajuk | Akhbar |
|---|---|---|
| 1 | Ancaman internet terhadap kanak-kanak | Berita Harian |
| 2 | Fahami remaja | Berita Harian |
| 3 | NanoMITE tepati kehendak pasaran antarabangsa | Berita Harian |
| 4 | Jangan buat spekulasi insiden letupan di Sibu Jaya, kata polis | Bernama.com |
| 5 | The $13^{th}$ Asia Pacific International | The Star |
| 6 | Thank You (Ads) | New Straits Times |

KERATAN AKHBAR TEMPATAN
BERITA HARIAN (FAMILI) : MUKA SURAT 13
TARIKH: 14 APRIL 2015 (SELASA)



Josie Chong **menunjukkan laporan** *Cyber SAFE in School.*

# **Fahami** remaja

**Bagi** Duta Digi CyberSafe, Iyad Zakiy Amal dan Firdaus Ab Aziz masing-masing berusia 16 tahun, mereka sependapat menegaskan supaya ibu bapa atau pihak sekolah boleh berbicara secara terbuka mengenai internet.

Pelajar Sekolah Menengah Datuk Abdul Razak, Seremban, Iyad Zakiy, berkata kadangkala beliau tidak begitu jelas atau tidak mempunyai maklumat mengenai cara yang selamat ketika melayari internet.

**Utama keselamatan**

"Ramai ibu bapa memberi had masa melayari internet, tetapi tidak menyentuh aspek keselamatan, sedangkan inilah perkara paling mustahak," katanya.

Iyad Zakiy berkata, daripada perbincangan dengan rakan remaja, mereka mendapati, ada dua jenis ibu bapa iaitu yang terlalu memberikan kebebasan kepada anak untuk melayari internet dan yang terlalu tertutup mengenai internet yang mungkin mengehadkan jam tertentu melayari internet dalam seminggu.

"Daripada pemerhatian kami, anak yang terlalu bebas didedahkan dengan internet tidak bagus kerana ia mungkin mengehadkan interaksi dengan rakan sebaya, namun bagi yang terlalu sedikit pendedahan dengan internet menjadikan remaja berkenaan tidak tahu banyak perkara atau ketinggalan banyak maklumat terkini," katanya.

**Ibu bapa patut pantau**

Bagi Firdaus, pendedahan mengenai internet perlu dilakukan sejak kecil, tetapi perlu dipantau ibu bapa kerana sebagai manusia, sebebas mana pun maklumat, mesti ada kawalan kendiri, termasuk tidak melayari laman lucah, berjudi dan sebagainya.

"Laman sebegini mudah dicapai, tetapi saya tidak mahu ia menjadi situasi normal untuk kita kunjungi kerana ia tidak bagus," katanya.



"
***Laman lucah dan berjudi mudah dicapai,*** *tetapi saya tidak mahu ia menjadi situasi normal untuk kita kunjungi kerana ia tidak bagus"*

***Firdaus Ab Aziz,***
*Duta Digi CyberSafe*



"
*Anak yang* ***terlalu bebas didedahkan dengan internet tidak bagus*** *kerana ia mungkin mengehadkan interaksi dengan rakan sebaya"*

***Iyad Zakiy Amal,***
*Duta Digi CyberSafe*

